

**XXXX**  
***lwn***  
**XYXY & 8 Yang Lain**

Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu, Kuala Terengganu, di Negeri Terengganu Darul Iman (Y.A Tuan Rosdi bin Harun, HMTS) 24 April 2019 bersamaan 18 Syaaban 1440H

[Saman No: 11100-017-XXXX-2017]

***Undang-Undang Keluarga Islam – tuntutan harta sepencarian selepas perceraian – Seksyen 59 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 – aset milikan berdaftar Si Mati – faktor sumbangan pihak-pihak – kadar pembahagian***

***Undang-Undang Keterangan Syariah – Beban pembuktian ke atas orang yang menuntut dan menuntut balas – kekuatan pembuktian***

**Fakta Kes**

- [1] Kes ini difailkan oleh Plaintiff bagi menuntut aset-aset yang didakwa diperolehi di dalam tempoh perkahwinan beliau bersama arwah suami, AAAA (Si Mati), yang meninggal pada 12/5/2016 akibat sakit jantung.
- [2] Plaintiff dan Si Mati berkahwin pada 20/3/1986. Mereka disabitkan bercerai dengan talak satu kali pertama (raj'ie) pada 20/4/2012. Plaintiff dan Si Mati dikurniakan 8 orang cahaya mata, iaitu mereka-mereka yang diplidkan sebagai Defendan 2 hingga Defendan 9. Defendan 2 di dalam kes ini adalah penjaga ad litem kepada

Defendan 7 hingga 9. Selepas bercerai, Si Mati berkahwin dengan Defendan 1 pada 28/4/2013.

**[3]** Semasa hayat Si Mati, beliau bekerja sebagai pengawal keselamatan. Plaintiff pula surirumah sepenuh masa. Manakala Defendan 1 semasa berkahwin dengan Si Mati berniaga makanan.

**[4]** Dalam pernyataan tuntutan terpinda bertarikh 16/5/2018, Plaintiff menuntut aset-aset pemilikan Si Mati berikut supaya diisytiharkan sebagai harta sepencarian di antara Plaintiff dan Si Mati, seterusnya diberikan kadar  $\frac{1}{2}$  nilai kepada Plaintiff dan  $\frac{1}{2}$  lagi kepada waris Si Mati yang berhak atas pusakanya. Aset-aset tersebut adalah seperti berikut:

**4.1** Sebuah rumah banglo 2 pintu di Taman XXX di atas tanah bernombor keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman;

**4.2** Hasil sewaan 1 pintu bagi rumah di atas tanah bernombor keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman;

**4.3** Sebuah rumah dan tanah bernombor keterangan GRN XXXXX, No Lot XXXX, Mukim Binjal, Kemaman;

**4.4** Sebuah kereta Proton Saga, WCC XXXX; dan

**4.5** Sebuah motosikal Kriss Modenas, TAP XXXX.

**[5]** Defendan 1 memasukkan pembelaan dan tuntutan balas terpinda pada 24/5/2018 dan tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff ini.

Seterusnya Defendan 1 memohon tuntutan aset **4.1** dan **4.3** ini ditolak dengan kos atas faktor sumbangan. Defendan 1 juga menafikan aset **4.2** kerana hasil sewaan masih belum wujud semasa Plaintiff dan Si Mati hidup bersama. Manakala Defendan 1 tidak berpengetahuan mengenai aset **4.4** dan **4.5** dan tidak mempunyai bantahan.

**[6]** Defendan 2 hingga Defendan 9 yang tidak diwakili mana-mana peguam tidak membantah apa-apa malah bersetuju dengan tiap-tiap tuntutan Plaintiff.

**[7]** Walaubagaimanapun, Defendan 1 juga menuntut balas supaya diisytiharkan aset-aset pemilikan Si Mati berikut sebagai harta sepencarian di antara Defendan 1 dan Si Mati dan diberikan kadar berikut kepada Defendan 1, iaitu:

**7.1.** ½ bahagian bagi tanah berketerangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman dan rumah banglo di atasnya, beralamat di Lot XXX, Kampung Pengkalan Binjai, 24000 Kemaman, Terengganu;

**7.2.** 1/3 bahagian bagi tanah bernombor keterangan GRN XXXXX, No Lot XXXX, Mukim Binjal, Kemaman beserta seruah rumah di atasnya beralamat di XXXX, Taman XXX Binjai, 24000 Kemaman, Terengganu.

**7.3.** Sebuah motokar Sunny Sentra, CAB XXXX;

**7.4.** Sebuah motosikal Lagenda, CCM XXXX;

**7.5.** Sebuah lori Rigrig Hijet Daihatsu, WLE XXXX;

**7.6.** Wang RM63,398.40 dalam Akaun Bank Malayan Banking Berhad milik wang Insuran Takaful Etika Si Mati.

(\*Nota: Aset **4.1** adalah sama dengan aset **7.1**. Manakala aset **4.3** adalah sama dengan aset **7.2**)

**Yang Arif Tuan Haji Rosdi bin Harun, HMTS memberikan penghakiman:-**

- [8] Saya mendengar dan memutuskan kes ini berdasarkan *watiqah* kuasa yang telah dikhususkan di bawah Subseksyen 11(3)(b)(iv) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 berhubung dengan pembahagian atau tuntutan harta sepencarian.
- [9] Sebelum itu, saya akan meneliti sama ada aset **4.1/7.1**, aset **4.2** dan aset **4.3/7.2** yang dituntut adalah termasuk dalam kategori harta sepencarian ataupun tidak. Jika sabit, saya akan mempertimbangkan kadar yang wajar untuk pembahagian, selepas memberi perhatian terhadap perkara yang dilakukan oleh pihak-pihak memperolehi aset-aset tersebut. Kemudian saya akan meneliti pula aset **7.6**.
- [10] Bagi aset **4.4** dan **4.5** tidak diulas kerana tiada bantahan dari Defendan 1 dan telah direkod persetujuan pada 25/7/2018 dengan  $\frac{1}{2}$  bahagian diberikan kepada Plaintif. Begitu juga aset **7.3**, aset **7.4** dan aset **7.5** telah direkod persetujuan pada 25/7/2018 dengan  $\frac{1}{2}$  bahagian diberikan kepada Defendan 1.
- [11] Harta sepencarian yang berbangkit setelah berlaku perceraian di ditafsirkan di bawah peruntukan Seksyen 2 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, iaitu sebagai, '*harta*

*yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuatkuasa menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syara'. Kaedah pembahagian harta sepencarian pula diperuntukkan di bawah Seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.*

**[12]** Seksyen 2 (1) dan Seksyen 59 menetapkan syarat utama sesuatu harta sepencarian itu sebagai aset-aset yang diperolehi dalam tempoh perkahwinan dengan usaha bersama atau usaha tunggal; atau diperolehi sebelum berkahwin tetapi dimajukan dalam tempoh perkahwinan suami isteri. Kemudian barulah diambilkira penentuan takat pembahagian berdasarkan sumbangan pihak-pihak terhadap perolehan aset-aset yang dituntut. Setelah itu aset-aset tersebut hendaklah disabit sebagai harta sepencarian. Kedua-dua faktor perkahwinan dan sumbangan ini sangat berkait rapat.

**[13]** Dalam kes *Ismail bin Mamat Iwn Endut binti Salleh*, Rayuan Mal No: 11000-017-0007-2014 bertarikh 11/3/2015 (Kes tidak dilaporkan), Panel Rayuan Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu dalam meneliti sama ada aset-aset yang dirayu oleh Perayu sebagai harta sepencarian atau tidak telah melihat dua faktor tersebut. YAA Tan Sri Dr. Ibrahim bin Lembut dalam penghakiman yang dibaca telah menyebut seperti berikut:

*"...walaupun pemerolehan harta berlaku dalam tempoh perkahwinan, ianya bukanlah secara sendiri boleh menjadikan harta tersebut sebagai harta sepencarian. Perkara seterusnya yang perlu ditimbang adalah soal sumbangan dalam memperolehi harta tersebut".*

[14] Hadith yang bermaksud, “*Keterangan ditanggung oleh pihak yang mendakwa dan sumpah ke atas pihak yang engkar*”, meletakkan Plaintiff sebagai pihak yang kata-katanya menyalahi zahir sesuatu perkara, mengemukakan beban bukti, tidak kiralah beban perundangan mahupun beban mengemukakan keterangan, bagi membuktikan kesnya.

**Persoalan isu bagi aset 4.1/7.1: Sebuah rumah 2 pintu di atas tanah keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman**

[15] Tanah keterangan GM XXXX ini didaftarkan atas nama Si Mati sebanyak 1/5 bahagian. Ia diperolehi pada tahun 2005 daripada pemberian sepupu Si Mati. Pada tahun 2008, rumah banglo 2 pintu dibina di atasnya dengan kos sebanyak RM120,000 menggunakan duit KWSP Si Mati. Pengeluaran pertama pada tahun 2009 ketika dalam tempoh berkahwin dengan Plaintiff. Pengeluaran kedua pada tahun 2014 ketika dalam tempoh berkahwin dengan Defendan 1. Ketika Plaintiff bercerai dengan Si Mati pada tahun 2012, rumah tersebut dikatakan telah siap setakat 80% - 90% di mana dinding, bumbung dan lantai telah ada dan hanya tinggal plaster dinding, cat dan memasang pintu serta tingkap.

[16] Dari segi perolehan rumah banglo tersebut, Plaintiff dan Defendan 1 tidak menafikan sumbangan Si Mati berbentuk wang tersebut. Namun, Plaintiff akui juga mempunyai sumbangan langsung dari segi tenaga apabila mengangkat dan mengikat bata dan membekalkan makanan semasa melakukan kerja – SP1 bersetuju dengan fakta ini. Ketika itu Si Mati tidak mengupah tukang rumah tetapi membuat secara sendiri. Seterusnya, Plaintiff turut akui mempunyai sumbangan tidak langsung dari segi sokongan moral,

kasih sayang, perhatian serta penjagaan rumahtangga tanpa dibantu oleh mana-mana pembantu rumah.

- [17] Manakala Defendan 1 juga akui mempunyai sumbangan langsung dari segi memberi wang kepada Si Mati bagi tujuan pembelian barang pembinaan rumah; dan sumbangan tak langsung dari segi membantu menyara keluarga hasil penat lelahnya berniaga.
- [18] Saya merujuk fakta wujudnya harta sepencarian setelah mengambilkira elemen tarikh perkahwinan atau jangka masa rumah banglo diperolehi, iaitu bermula di dalam tempoh perkahwinan Plaintif dan Si Mati, dan disambung pembinaan dalam tempoh perkahwinan Defendan 1 dan Si Mati.
- [19] Dalam kes Plaintif, saya mengambilkira sumbangan Plaintif yang telah menyediakan sumbangan langsung dan sumbangan tak langsung ketika memperolehi rumah banglo tersebut, yang mana jelas Plaintif dan Si Mati mempunyai 'saham' masing-masing.
- [20] Saya merujuk Seksyen 59 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang dibaca seperti berikut:

*(1) Mahkamah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintah supaya **apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.***

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang-

(a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperolehi aset-aset itu;

(b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;

(c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada,

dan, tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah mirip kepada membuat pembahagian yang sama banyak.

**[21]** Subseksyen 59 (2) mensyaratkan tiga pertimbangan dibuat ke atas aset-aset yang diperolehi atas usaha bersama, iaitu dengan melihat kepada takat sumbangan pihak-pihak, hutang yang terhutang dan keperluan anak-anak yang belum dewasa. Bahagian atau nilai pula hendaklah cenderung kepada membuat pembahagian yang sama banyak, namun tertakluk kepada tiga pertimbangan itu jua. Lanya tidaklah menjadi suatu keperluan untuk ketiga-tiga pertimbangan ini diambilkira tetapi boleh dijadikan panduan setakat yang wajar diterima.

**[22]** Pertimbangan yang pertama, iaitu takat sumbangan pihak-pihak adalah sumbangan yang diberikan dalam memperolehi hartanah tersebut dalam bentuk wang, harta, atau kerja.

**[23]** Dalam soal sumbangan berbentuk wang dan harta ini, saya mendapati Plaintiff telah akur tidak memberi apa-apa sumbangan semasa memperolehi rumah banglo tersebut. Oleh itu tidak perlu lagi saya mengulas berkenaan dengannya.



[24] Dari segi kerahan tenaga pula, Plaintiff mengatakan telah membantu Si Mati membina rumah banglo tersebut. Dalam soal balas m/s 7-8, Plaintiff menyebut:

*“Dari 2008 hingga 2012, Si Mati buat sendiri rumah ini. sepanjang tahun itu (2008 hingga 2012), saya tolong angkat bata, sediakan makan minum. Saya akui terlibat atas rumah itu sehingga rumah berdiri”.*

[25] Dalam soal fakta ini, saya berpendapat segala bentuk kerja Plaintiff, sebagaimana dinyatakan, boleh dianggap sebagai sumbangan kerana ianya dikira sebagai kerja dan usaha yang tidak boleh dipandang rendah.

[26] Merujuk kitab ‘مقومات العمل في الإسلام’ karangan Dr Abdul Sami’ al-Misriy, Cetakan Maktabah Wahbah Kaherah Mesir, Hlm 10, Tahun 1982 iaitu:

العمل هو كل جهد يبذله الإنسان - ذهني او بدني - لخلق

منفعة إقتصادية او زيادة منفعة شيء موجود

Terjemahan: Maksud kerja ialah tiap-tiap pengorbanan yang dilakukan oleh seseorang insan samada berbentuk cetusan idea yang bernas (kepintaran berfikir) atau berbentuk fizikal bagi menghasilkan produk yang baik kepada pertumbuhan ekonomi atau menambah baik sesuatu yang sedia ada.

[27] Saya tidak menolak anggapan bahawa fakta ini adalah wujud malah fakta ini hendaklah disifatkan sebagai terbukti kerana tidak

ada penafian yang sebaliknya telah dibentangkan oleh Defendan 1. Saya merujuk Seksyen 4 (2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, dibaca seperti berikut:

Seksyen 4. Anggapan

*(2) Bilamana diperuntukkan oleh Enakmen ini bahawa Mahkamah hendaklah menganggap sesuatu fakta sebagai wujud, Mahkamah hendaklah menyifatkan fakta itu sebagai terbukti melainkan jika dan sehingga terbukti sebaliknya.*

- [28] Seterusnya, saya tidak mengambilkira pertimbangan kedua iaitu hutang yang terhutang dan apa-apa yang berhubung dengannya kerana perolehan rumah banglo tersebut tidak melibatkan sebarang hutang yang belum langcai.
- [29] Dari segi keperluan anak-anak belum dewasa yang merupakan pertimbangan ketiga ini pula adalah sumbangan tidak langsung Plaintif. Saya mendapati keperluan anak-anak tidak dibahaskan oleh Plaintif mahupun Defendan 1, sama ada ketika bicara atau hujahan. Oleh itu saya tidak dapat mengambilkira pertimbangan ini.
- [30] Setelah membuat penelitian, saya mendapati kehendak syarat di bawah peruntukan Seksyen 59 (2) telah dilakukan oleh Plaintif dan Si Mati. Namun tertakluk kepada pertimbangan syarat tersebut saya tidak dapat membuat pembahagian yang sama banyak. Sungguhpun Plaintif menyediakan tenaga, namun takat sumbangan Si Mati adalah lebih besar apabila menyediakan wang yang sememangnya memberi impak yang lebih penting untuk pembinaan rumah banglo tersebut.

[31] Selayaknya Plaintiff menerima bahagian yang tidak banyak tetapi setakat 10%, setelah diberi perhatian dari pelbagai aspek dalam bentuk wang, harta mahupun kerja, serta mengambilkira yang rumah banglo tersebut masih belum siap sepenuhnya ketika perceraian berlaku. Oleh itu, saya berpuashati bahawa Plaintiff berhak diberikan kadar 1/10 dari bahagian pembinaan rumah tersebut tersebut. Manakala bahagian yang selebihnya diberikan kepada Si Mati.

[32] Dalam kes Defendan 1 ke atas tuntutan balas banglo tersebut pula, fakta adalah jelas bahawa pembinaannya disambung kemudiannya pada tahun 2014 di dalam tempoh perkahwinan Defendan 1 dan Si Mati. Ketika itu pengeluaran kali kedua KWSP Si Mati dibuat dan Si Mati mengupah tukang rumah menyiapkan pembinaan sepenuhnya.

[33] Subseksyen 59 (5) memberi tafsiran lain harta sepencarian sebagai berikut:

*(5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset-aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan termasuklah **aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.***

[34] Berdasarkan peruntukan ini, aset-aset yang dipunyai oleh salah satu pihak sebelum berkahwin hendaklah dibahagikan setelah melihat kepada usaha pihak yang satu lagi atau usaha bersama mereka, jika ada, untuk memajukannya di dalam tempoh perkahwinan.

- [35] Sama ada Defendan 1 turut serta memajukan rumah banglo tersebut ataupun tidak semasa berkahwin dengan Si Mati, Defendan 1 menegaskan menyumbang secara langsung memberi wang untuk membeli barang pembinaan. Walaubagaimanapun, saya mendapati Defendan 1 tidak memperincikan maklumat tentang amaun wangnya yang diberikan kepada Si Mati. Semata-mata mengemukakan resit pembelian tidak membuktikan fakta ini. Oleh itu saya tidak mengambilkira dakwaan ini sebagai faktor yang membolehkan pembahagian.
- [36] Manakala fakta Defendan 1 membantu menyara keluarga hasil penat lelahnya berniaga sebagai sumbangan tidak langsung juga tidak boleh saya ambilkira sama sekali. Sedia maklum bahawa rumah banglo ini dimajukan menggunakan duit KWSP Si Mati yang telah dikeluarkan kali kedua. Duit KWSP Si Mati ini tidak berkaitan dengan sumbangan tak langsung. Sekalipun Defendan 1 tidak memberi sumbangan tak langsung, Si Mati tetap boleh mengeluarkan duit KWSP untuk memajukan rumah banglo tersebut. Sekalipun Defendan 1 memberi sumbangan tak langsung, tidakpun menjejaskan jumlah duit KWSP tersebut. Duit KWSP itu adalah benda yang layak bagi Si Mati memilikinya, tanpa ada penambahan dari sumber-sumber lain atau cara-cara lain.
- [37] Maka saya berpendapat Defendan 1 tidak memberi apa-apa sumbangan dalam memajukan pembinaan banglo rumah tersebut sekaligus tidak layak atas apa-apa bahagian harta sepencarian yang berhubung dengannya.
- [38] Laporan nilai yang dilaporkan dan dikemukakan di mahkamah bagi aset 4.1/7.1 ini adalah pada kadar RM32,000, iaitu nilai rumah banglo. Tidak ada nilai lain yang dibuat melainkan ini

sahaja. Justeru itu, bahagian atau nilai yang berhak hendaklah dikira daripada kadar tersebut.

**Persoalan isu bagi aset 4.2: Hasil sewaan 1 pintu bagi rumah di atas tanah bernombor keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman**

[39] Seterusnya adalah hasil sewaan 1 pintu bagi rumah banglo tersebut, saya mendapati bahawa fakta yang ditemui menunjukkan bahawa sewaan tersebut bermula setelah rumah siap sepenuhnya, iaitu ketika dalam tempoh perkahwinan Si Mati dan Defendan 1. Fakta tempoh perkahwinan ini secara otomatis menolak apa-apa tuntutan harta sepencarian.

[40] Plaintiff juga tidak boleh menganggap tindakan Si Mati memberi hasil sewa tersebut kepada Plaintiff selepas mereka bercerai itu sebagai sebab yang membolehkan tuntutan ini dibuat. Setakat yang Si Mati berikan itu adalah pemberian Si Mati. Perolehan hasil sewaan selepas tempoh perkahwinan telah mengeluarkan aset ini daripada skop harta sepencarian.

**Persoalan isu bagi aset 4.3/7.2: Sebuah rumah dan tanah bernombor keterangan GRN XXXXX, No Lot XXXX, Mukim Binjal, Kemaman**

[41] Aset ini diperolehi oleh Si Mati pada tahun 2004 dan didaftarkan atas nama Si Mati sebanyak 1/1 bahagian. Si Mati membeli aset ini dengan harga RM75,000 melalui pinjaman bank, dengan bayaran balik RM700 sebulan. Pinjaman tersebut telah selesai bayaran balik oleh pihak insurans setelah Si Mati meninggal dunia.

- [42] Plaintiff akui tidak mempunyai sumbangan wang atas perolehan aset ini namun bersetuju memberi sumbangan membuat renovasi rumah seperti membesarkan bahagian dapur dengan kos RM7,000 yang menggunakan duit Plaintiff dari gadaian barang kemas. Selain itu, Plaintiff juga akui memberi sumbangan tak langsung dari segi sokongan moral, kasih sayang, perhatian serta penjagaan rumahtangga tanpa dibantu oleh mana-mana pembantu rumah.
- [43] Defendan 1 pula akui menyumbang apabila mengatakan bayaran balik tiap bulan aset tersebut adalah menggunakan duit hasil perniagaan yang dijalankan Defendan 1.
- [44] Dalam kes Plaintiff dan Defendan 1 ini, saya mengambilkira sumbangan Plaintiff dan sumbangan Defendan 1 yang telah menyediakan sumbangan langsung dan sumbangan tak langsung ketika memperolehi rumah banglo tersebut, yang mana jelas masing-masing mempunyai 'saham' dalam perolehan tersebut.
- [45] Sepertimana Subseksyen 59 (1) dan (2) yang saya rujuk sebelum ini, sumbangan usaha bersama sebegini memerlukan tiga pertimbangan dibuat ke atas aset-aset yang diperolehi, iaitu dengan melihat kepada takat sumbangan pihak-pihak, hutang yang terhutang dan keperluan anak-anak yang belum dewasa.
- [46] Dalam mengulas pertimbangan pertama, saya hanya melihat takat sumbangan dalam bentuk wang dan harta sahaja. Dalam bentuk kerja tidak diulas memandangkan pihak-pihak tidak menyentuh berhubung dengannya.
- [47] Mengikut Plaintiff soal balas, beliau akui “...*buat sumbangan RM7,000 untuk dapur dan hasil adalah dari gadai barang kemas.*”

Manakala Defendan soal balas menyatakan selain daripada duit gaji dan duit imbuhan kerja Si Mati, duit lain yang digunakan untuk membuat bayaran rumah adalah daripada **duit hasil perniagaan**.

[48] Ini bermakna Plaintiff dan Defendan 1 masing-masing memberi sumbangan langsung dari sudut wang dan harta. Walaupun begitu, sumbangan ini tidak banyak berbanding Si Mati yang membuat pinjaman dan membayar pada tiap-tiap bulan.

[49] Oleh itu saya berpuashati bahawa Plaintiff layak mendapat 10% daripada bahagian aset tersebut, iaitu sebanyak 1/10 bahagian. Begitu juga Defendan 1 layak mendapat 10%, iaitu sebanyak 1/10 bahagian. Selebihnya adalah bahagian Si Mati.

[50] Laporan nilai yang dilaporkan dan dikemukakan di mahkamah bagi aset 4.3/7.2 ini adalah pada kadar RM200,000. Tidak ada nilai lain yang dibuat melainkan ini sahaja. Justeru itu, bahagian atau nilai yang berhak hendaklah dikira daripada kadar tersebut.

**Persoalan isu bagi aset 7.6: Wang RM63,398.40 dalam Akaun Bank Malayan Banking Berhad milik wang Insuran Takaful Etika kepunyaan Si Mati**

[51] Aset ini dituntut balas oleh Defendan 1. Menurut fakta kes, Si Mati telah mengambil pembiayaan pelaburan ASB melalui Maybank sebanyak RM50,0000 pada Mei 2014. Bayaran ansuran bulanan adalah sebanyak RM999 dengan tempoh matang 5 tahun sehingga 2019. Namun, Si Mati telah membatalkan pembiayaan tersebut pada 11/5/2016 iaitu sehari sebelum Si Mati meninggal dunia. Pembatalan tersebut dilindungi dan dibayar oleh insurans Takaful Etika, dicampur dengan dividen ASB dan manfaat kematian,

menjadikan hasil pembiayaan terkumpul di dalam akaun sebanyak RM63,398.40 setakat 13/9/2016.

[52] Pun begitu, saya mendapati Defendan 1 tidak membuktikan apa-apa sumbangan diberikan untuk bayaran ansuran bulanan tersebut. Saya bersetuju dengan hujahan Plaintiff bahawa Defendan 1 tidak ada bukti kukuh yang menunjukkan sumbangan langsung berlaku, sedangkan ansuran bayaran tersebut, sepertimana disebut oleh SD2, adalah ditolak secara *auto debit*. Sekiranya Defendan 1 ada memasukkan duit beliau ke dalam akaun untuk bayaran ansuran, namun tidak pula dikemukakan apa-apa resit pembuktian. Demikian itu saya menolak tuntutan balas ini.

[53] Setelah meneliti ikatan pliding, catatan Nota Bicara, ikatan dokumen serta hujahan bertulis yang dikemukakan, saya meluluskan sebahagian tuntutan Plaintiff dan mensabitkannya sebagai harta sepencarian. Saya juga meluluskan sebahagian tuntutan balas Defendan 1 dan mensabitkannya sebagai harta sepencarian

**DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN** saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu pada hari ini, Rabu, 18 Syaaban 1440H bersamaan 24 April 2019.

**METERAI**

.....

**HAKIM SYARIE**



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**  
**DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

**DALAM PERKARA TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN**  
**SAMAN NO: 11100-017-XXXX-2017**

ANTARA

XXXX ...PLAINTIF  
NO. KP: 640301-11-XXXX

DENGAN

XYXY ...DEFENDAN 1  
NO. KP: 660902-11-XXXX

SD2 ...DEFENDAN 2  
NO. KP: 861208-11-XXXX

SD3 ...DEFENDAN 3  
NO. KP: 881216-11-XXXX

SD4 ...DEFENDAN 4  
NO. KP: 920329-11-XXXX

SD5 ...DEFENDAN 5  
NO. KP: 931217-11-XXXX

SD6 ...DEFENDAN 6  
NO. KP: 960510-06-XXXX

SD2  
NO. KP: 861208-11-XXXX

Penjaga Ad Litem kepada:-

i SD7 ...DEFENDAN 7  
NO. KP: 991224-11-XXXX

ii SD8 ...DEFENDAN 8  
NO. KP: 011127-11-XXXX

iii SD9 ...DEFENDAN 9  
NO. KP: 050211-11-XXXX

**DI HADAPAN YANG ARIF**  
**TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN SMT., AMZ., PJK.,**  
**HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI RABU 24 APRIL 2018**  
**BERSAMAAN 18 SYAABAN 1440H**

**ATAS TUNTUTAN** Plaintiff, tuntutan ini dipanggil untuk keputusan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu dalam kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syarie, Pn Marina binti Mohamad dari Jabatan Bantuan Guaman Negeri Terengganu, dan dalam kehadiran Defendan 1 bersama Peguam Syarie, Pn Haslinda binti Sakhroni dari Tetuan Rosmawarti & Haslinda & Co. Setelah mendengar keterangan pihak-pihak, **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:-**

1. **SAYA LULUSKAN** tuntutan harta sepencarian Plaintiff terhadap Defendan-Defendan.
  
2. **SAYA SABIT** bahawa harta-harta yang dituntut oleh Plaintiff berikut:
  - a) Sebuah rumah banglo 2 pintu di Taman XXX di atas tanah bernombor keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman;
  
  - b) Sebuah rumah dan tanah bernombor keterangan GRN XXXXX, No Lot XXXX, Mukim Binjal, Kemaman;
  
  - c) Sebuah motokar Proton Saga, WCC XXXX; dan

d) Sebuah motosikal Kriss Modenas, TAP XXXX.

adalah harta sepencarian di antara Plaintiff dan Si Mati, AAAA.

3. **SAYA PERINTAHKAN** Plaintiff berhak mendapat satu persepuluh (1/10) bahagian atau nilai bagi sebuah rumah banglo 2 pintu di Taman XXX di atas tanah bernombor keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman. Manakala Si Mati berhak mendapat sembilan persepuluh (9/10) bahagian atau nilai. Bahagian atau nilai Si Mati hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak mengikut hukum faraid.
4. **SAYA PERINTAHKAN** nilai semasa bagi sebuah rumah banglo 2 pintu di Taman XXX di atas tanah bernombor keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman, yang diterimapakai adalah sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Puluh Dua Ribu (RM32,000.00) sahaja tertakluk kepada perubahan nilai dari masa ke semasa.
5. **SAYA PERINTAHKAN** Plaintiff berhak mendapat satu persepuluh (1/10) bahagian atau nilai bagi sebuah rumah dan tanah bernombor keterangan GRN XXXXX, No Lot XXXX, Mukim Binjal, Kemaman. Manakala Defendan 1 juga berhak mendapat satu persepuluh (1/10) bahagian atau nilai bagi sebuah rumah dan tanah bernombor keterangan GRN XXXXX, No Lot XXXX, Mukim Binjal, Kemaman.

Baki lapan persepuluh (8/10) bahagian atau nilai adalah berhak ke atas Si Mati. Bahagian atau nilai Si Mati hendaklah

dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak mengikut hukum faraid.

6. **SAYA PERINTAHKAN** nilai semasa bagi sebuah rumah dan tanah bernombor keterangan GRN XXXXX, No Lot XXXX, Mukim Binjal, Kemaman, yang diterimapakai adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) sahaja tertakluk kepada perubahan nilai dari masa ke semasa.
  
7. **SAYA PERINTAHKAN ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK** Plaintiff berhak mendapat setengah (1/2) bahagian atau nilai bagi sebuah kereta Proton Saga, WCC XXXX; dan sebuah motosikal Kriss Modenas, TAP XXXX. Manakala Si Mati berhak mendapat setengah (1/2) bahagian atau nilai. Bahagian atau nilai Si Mati hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak mengikut hukum faraid.
  
8. **SAYA TOLAK** tuntutan Plaintiff bagi hasil sewaan 1 pintu bagi rumah di atas tanah bernombor keterangan GM XXXX, No. Lot XXX, Mukim Binjal, Kampung Binjal, Kemaman.
  
9. **SAYA SABIT** bahawa harta-harta yang dituntut balas oleh Defendan 1 berikut:
  - a) Sebuah motokar Sunny Sentra, CAB XXXX;
  - b) Sebuah motosikal Lagenda, CCM XXXX;
  - c) Sebuah lori Rigrig Hijet Daihatsu, WLE XXXX;

adalah harta sepencarian di antara Defendan 1 dan Si Mati, AAAA.

10. **SAYA PERINTAHKAN ATAS PERSETUJUAN BERSAMA PIHAK-PIHAK** Defendan 1 berhak mendapat setengah (1/2) bahagian atau nilai bagi sebuah motokar Sunny Sentra, CAB XXXX; sebuah motosikal Lagenda, CCM XXXX; dan sebuah lori Rigid Hijet Daihatsu, WLE XXXX. Manakala Si Mati berhak mendapat setengah (1/2) bahagian atau nilai. Bahagian atau nilai Si Mati hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak mengikut hukum faraid.
11. **SAYA TOLAK** tuntutan balas Defendan 1 bagi wang berjumlah RM63,398.40 di dalam Akaun Bank Malayan Banking Berhad kepunyaan Si Mati.
12. **SAYA PERINTAHKAN** wang berjumlah RM63,398.40 di dalam Akaun Bank Malayan Banking Berhad kepunyaan Si Mati hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak mengikut hukum faraid.
13. **SAYA PERINTAHKAN** kos ditanggung oleh masing-masing.

**DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN** saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu pada hari ini, Selasa, 23 April 2019 bersamaan 17 Syaaban 1440H.

**METERAI**

.....

**HAKIM SYARIE**